

TARIKH	29 / Mei / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	8	RUANGAN	NASIONAL

Penjelasan kepada Arab Saudi

Kerajaan harap kuota jemaah kita tak disekat isu BERSIH 3.0 di Makkah

Mohd Zin Ali

GEORGETOWN: Malaysia melalui Tabung Haji akan menghantar surat kepada Menteri Haji dan Wakaf Arab Saudi bagi menjelaskan isu perhimpunan BERSIH 3.0 dan kuota haji dari negara ini, minggu ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata surat itu yang dise-diakannya, akan disampaikan Pengurus Besar Kanan Haji Tabung Haji, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman.

Katanya, surat berkenaan menjelaskan harapan Kerajaan Malaysia supaya Kerajaan Arab Saudi tidak mengenakan sebarang tindakan terhadap kuota atau peruntukan dalam melaksanakan ibadat haji, tahun ini.

"Saya juga ada mohon jasa baik Perdana Menteri, Datuk Seri Najib, menghubungi Raja Arab Saudi, Raja Abdullah, untuk memaklumkan kedudukan dan permohonan kuota haji.

"Kita bimbang (jika ada masalah) kerana semua persiapan menunaikan haji tahun ini seperti sewa kapal terbang, hotel dan melantik syarikat yang akan membekalkan makanan kepada jemaah sudah diselesaikan sepenuhnya.

"Jika sesuatu berlaku seperti tidak diizinkan (melaksanakan haji oleh kerajaan Arab Saudi), ia bukan saja menyebabkan kerugian, tetapi paling besar ialah kesusahan umat Islam yang kebanyakannya sudah

selesai menjalani kursus haji dan meletakkan harapan tinggi untuk menunaikan haji," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Seminar Pemahaman Wasatiyyah dan Gagasan 1Malaysia di Dewan Tuanku Syed Putra, Universiti Sains Malaysia (USM) di sini, semalam. Hadir sama, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ahmad Maslan.

Sebelum ini, Arab Saudi menghantar nota diplomatik kepada Wisma Putra melahirkan rasa kecewa dengan tindakan rakyat Malaysia mengadakan perhimpunan haram di Makkah dan Madinah, 26 April lalu.

Dalam nota itu, Arab Saudi meminta kerajaan memastikan dan melarang rakyat Malaysia supaya tidak lagi menyertai atau menganjurkan apa-apa perhimpunan di negara itu.

Susulan perhimpunan itu, kerajaan Arab Saudi kini dilaporkan sedang membuat pertimbangan sama ada mengenakan sekatan atau menggantung jemaah haji dan umrah dari Malaysia.

Jamil Khir berkata, walaupun Kerajaan Arab Saudi positif mengenai perkara berkenaan, pihaknya masih bimbang harapan itu akan diterjemahkan dalam konteks berbeza.

"Kita tidak memandang perkara ini remeh bagi mengelak jemaah haji gagal menunaikan ibadah itu," katanya.

Sementara itu, Jamil Khir berkata, buku *Allah, Kebebasan dan Cinta* karya penulis warga Kanada, Irshad Manji, boleh dikenakan tindakan kerana tidak mendapat kebenaran Majlis Agama Islam negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam negeri faham kedudukan dan peraturan kerana semua buku agama perlu mendapat kebenaran Majlis Agama Islam dan JAKIM.

"Yang tiada kebenaran boleh dikenakan tindakan. Ini berjalan. Bagaimanapun, bila tutup pintu di sini, mereka masuk ikut pintu lain pula.

"Oleh itu, tindakan perlu dise-laraskan untuk kepentingan bersama," katanya.



Kita bimbang (jika ada masalah) kerana semua persiapan menunaikan haji tahun ini seperti sewa kapal terbang, hotel dan melantik syarikat yang membekalkan makanan sudah diselesaikan sepenuhnya

Jamil Khir Baharom
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	29 / Mei / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	8	RUANGAN	NASIONAL



JAMIL KHIR (kanan) bermesra dengan peserta seminar pemahaman Wasatiyyah dan Gagasan 1 Malaysia peringkat negeri di Universiti Sains Malaysia (USM), semalam. Turut kelihatan Ahmad Maslan.